

19/01/2000

Biar ahli tentukan: Rafidah

Magendran Rajagopal; Habsah Dinin

BANGI, Selasa - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz menganggap cadangan golongan tertentu dalam Wanita Umno supaya jawatan ketua pergerakan itu tidak dipertandingkan, menyekat amalan demokrasi.

Beliau berkata, pertandingan untuk jawatan itu perlu dan keputusan siapa layak bertanding biarlah ditentukan ahli Wanita Umno sendiri yang akan membuat pencalonan.

"Tak payahlah sampai peringkat Wanita Umno. Itu betul-betul tak demokratik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kerjaya ke-18 Universiti Kebangsaan Malaysia, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas saranan Wanita Umno Pasir Mas Kelantan supaya Dr Mahathir menasihatkan pemimpin-pemimpin Wanita tidak mencabar ketua pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Rafidah, yang tewas kepada Zaharah pada pemilihan parti 1996, sebelum ini membayangkan akan bertanding merebut semula jawatan yang pernah dipegangnya itu.

Naib ketua pergerakan itu, Datuk Napsiah Omar, juga menyatakan hasrat untuk bertanding jawatan ketua.

Rafidah berkata, tidak perlu bagi mana-mana bahagian Wanita Umno meminta campur tangan Dr Mahathir selaku presiden parti untuk mengelak pertandingan bagi jawatan ketua pergerakan itu.

Menurutnya, anggota Wanita Umno perlu diberi kebebasan menentukan siapa calon pilihan bagi memastikan keutuhan pergerakan itu dan menjadi pemangkin kepada kesinambungan kekuatan Umno secara keseluruhan.

"Semua orang tahu bahawa kita cuma nasihat bahawa jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan. Tak payahlah jawatan ketua (Wanita) turut dibuat begitu, tak demokratik kalau Umno macam tu.

Sementara itu, selepas menghadiri jamuan Aidilfitri di Rumah Kanak-kanak Sultan Abdul Aziz, di Kuala Kangsar, petang ini, Rafidah menjelaskan kesediaannya bertanding merebut jawatan Ketua Pergerakan Wanita Umno bukan demi kepentingan peribadi tetapi sekadar menawarkan khidmatnya memperbetulkan kepinganan dalam pergerakan itu.

Beliau tetap mempertahankan kenyataannya bahawa berlaku `sesuatu yang tidak kena' dalam Wanita Umno kerana mendapat maklum balas peringkat akar umbi berhubung masalah dalaman sehingga menimbulkan rasa tidak paus hati mereka terhadap pergerakan itu kini.

(END)